



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

---

### MESYUARAT JAWATANKUASA SPESIES ASING (*INVASIVE ALIEN SPESIES* - IAS) KEBANGSAAN BILANGAN 1/2026

---

**PUTRAJAYA, 8 MEI 2026** – Mesyuarat Jawatankuasa Spesies Asing (*Invasive Alien Spesies* - IAS) Kebangsaan Bilangan 1 Tahun 2026 telah diadakan di Wisma Tani, Putrajaya pada hari ini dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Mesyuarat ini melibatkan wakil baharu daripada Jabatan PERHILITAN dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

Antara keputusan mesyuarat pada hari ini ialah kelulusan terhadap senarai terkini IAS haiwan dan penyakit bawaan haiwan bagi tahun 2025 yang telah dikemas kini oleh Jawatankuasa Teknikal IAS Haiwan dan Penyakit Bawaan Haiwan sebagai langkah memperkukuh kawalan serta pencegahan risiko terhadap kesihatan awam dan industri ternakan.

Selain itu, mesyuarat juga meluluskan Pelan Tindakan Strategik yang merangkumi pelaksanaan program pencegahan, penghapusan, pembendungan dan pengawalan Kumbang Badak Guam oleh Jawatankuasa Teknikal IAS Tumbuhan bagi melindungi industri kelapa dan kelapa sawit daripada ancaman perosak tersebut.

Seterusnya, Pencapaian *National Action Plan on Invasive Alien Species* (NAP IAS) 2021 - 2025 telah dibentangkan oleh Bahagian Sekuriti Makanan, KPKM dengan status pencapaian keseluruhan bagi tempoh 2021 – 2025 sebanyak 90%. KPKM, kini sedang dalam proses menyediakan dokumen *National Action Plan on Invasive Alien Species* (NAP IAS) 2026–2030.

Dalam usaha menangani IAS dalam sektor pertanian serta memperkukuh tahap kesedaran awam, Kerajaan telah membangunkan satu pangkalan data pusat rujukan melalui Sistem Maklumat Biodiversiti Malaysia (MyBIS), yang boleh diakses di <https://www.mybis.gov.my>. Kerjasama bersepadu antara Kerajaan, agensi berkaitan dan masyarakat akan memastikan ancaman IAS akan dapat diatasi.

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

